

# Cabaran bendung jenayah komersial

**P**ENYELEWENGAN wang, kecurian identiti, penipuan, mencuri, jenayah kolar putih, rasuah dan sogokan adalah antara bentuk jenayah ekonomi yang sering berlaku dalam dunia korporat di seluruh dunia.

Jenayah ekonomi bukan masalah kecil kerana boleh memberi kesan kepada semua golongan, daripada muda hingga tua, miskin hingga kaya, industri, ekonomi dan masyarakat secara keseluruhannya, hingga mampu menghancurkan ekonomi sesebuah negara.

Malaysia baru-baru ini menjadi tuan rumah kepada persidangan 'Jenayah Ekonomi di Asia: Perspektif Global' bagi memberi peluang peserta bidang perbankan dan syarikat korporat mengadakan perbincangan mengenai permasalahan jenayah kolar putih serta cara menanganinya.

Menurut Kajian Jenayah Ekonomi Global Suku Keempat dijalankan Pricewaterhouse Coopers pada 2007, jenayah ekonomi kekal antara masalah serius dalam dunia perniagaan di serata dunia, termasuk Malaysia.

Justeru, tiada industri yang kebal daripadanya biarpun kesan diterima daripada bentuk penipuan berbeza.

Apabila berlaku jenayah ekonomi di sesebuah negara, ia akan memberi kesan negatif kepada pertumbuhan ekonominya, terutama jika kerajaan tidak dapat menangani dengan berkesan.

Jenayah ekonomi jika dibiarkan berleluasa akan menarik sesebuah negara ke dalam keadaan kleptokrasi iaitu masalah jenayah ekonomi menjadi sangat serius dan meluas sehingga seolah-olah negara itu diperintah pencuri.

Penting bagi sesebuah kerajaan untuk memahami cara berkesan menguruskan jenayah ekonomi bagi menjaga keselamatan aset dan kekayaan yang sepatutnya menjadi milik-bersama.

Mengapa jenayah ekonomi terus berlaku walaupun pelbagai langkah diambil bagi menanganinya?

Sifat tamak menjadi punca utama mengapa segelintir eksekutif tertinggi dalam sesebuah syarikat besar dan berpengaruh selama puluhan tahun menipu wang syarikat demi mengisi poket sendiri sehingga syarikat terbabit lumpuh dan ramai kehilangan kerja, contohnya yang berlaku di Amerika Syarikat.

Selain itu, masalah sikap manusia yang tidak bertanggungjawab dan pemikiran yang menghalalkan perbuatan salah mereka seperti 'syarikat tidak akan rugi kerana



CHOR...boleh ragut kekayaan negara

ada insurans' atau 'kalau bukan aku, orang lain akan buat juga' menyebabkan jenayah komersial berterusan.

Pengarah Pusat Pengurusan Penipuan Kolej Universiti Help, Akhbar Satar yang menjadi peserta persidangan itu, berkata jenayah ekonomi sering berlaku dan hampir

**Pengurusan tertinggi sektor awam, swasta atau syarikat berkaitan kerajaan (GLC) perlu menitikberatkan pemeriksaan latar belakang pekerja, termasuk personaliti, minat, kecenderungan, rekod kerja sebelum ini sebelum mengambilnya bekerja bagi mengelak kerugian. Pastikan hanya mereka yang mempunyai nilai diri terbaik seperti jujur dan amanah berada di bahagian latihan untuk melatih pekerja baru kerana mereka akan memberi pengaruh kepada kakitangan.**

mustahil untuk dibanteras semua, tetapi ia akan memuncak setiap kali berlaku kegawatan ekonomi.

"Tangkapan berkaitan jenayah komersial oleh PDRM (Polis Diraja Malaysia) sepanjang 2006 membabitkan jumlah penipuan RM833 juta berbanding RM799 juta

A.M 14/10/08 M/S 14

Diedarkan oleh:  
Build Technology Supply Sdn Bhd / Tel: +603 - 7955 3699  
Ingram Micro (M) Sdn Bhd / Tel: +603 - 7960 2199  
NTR Newtech Resources Sdn Bhd / Tel: +603 - 7726 1388  
Servex (M) Sdn Bhd / Tel: +603 - 8024 6688  
ASUS Royal Club (Service Centre)  
G-2, IT@SPS, Wisma SPS, Jalan Imbi, 55100, Kuala Lumpur  
Tel: +603 - 2148 0827 / +603 - 2145 9379  
\* Subject to system configuration  
Celtron, Celtron Inside, Celtrino Inside, Celtrino Logo, Core Inside, Intel  
Viv Inside, Xeon Inside, Xeon Inside are trademarks of Intel Corporation

cuti dan pulang lewat setiap hari.